

Submission date: 05.02.2025 Accepted date: 13/02/2025 Published date: 01/09/2025

**Pemikiran Moderasi Yusuf Al-Qaradawi
dan Hubungannya dengan Pemikiran Anwar Ibrahim
dalam Konsep Malaysia Madani¹**
*(The Moderation Thought of Yusuf al-Qaradawi
and Its Relationship with the Thought of Anwar Ibrahim
in the Concept of Malaysia Madani)*

Mohd Nizam bin Sahad*
Universiti Sains Malaysia

***Corresponding Author: nizamsahad@usm.my**

Abstrak

Sudah dimaklumi bahawa Yusuf al-Qaradawi dan Anwar Ibrahim merupakan sahabat yang rapat walaupun mereka duduk berjauhan. Keduanya terlibat dalam aktiviti pembaharuan Islam, tetapi Anwar Ibrahim lebih cenderung kepada politik, manakala al-Qaradawi cenderung dalam bidang ilmu pengajian Islam. Sikap moderasi antara mereka berdua agak terserlah ketika berada di lapangan masing-masing. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubung kait pemikiran moderasi Yusuf al-Qaradawi dan konsep Malaysia Madani yang dibawa oleh Anwar Ibrahim. Hasil kajian kepustakaan menerusi analisis tematik mendapati bahawa terdapat banyak kesamaan antara dua pemikiran tokoh ini. Hal ini tidaklah pelik kerana Anwar Ibrahim sendiri mengakui bahawa beliau banyak dipengaruhi oleh karya-karya al-Qaradawi.

¹ Artikel ini telah dibentangkan pada 29 Ogos 2023 dalam Seminar Internasional dengan tema “Moderasi Beragama dalam tradisi agama-agama di Asia Tenggara” di Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan di Universitas Islam Negeri Sumatera Utara (UINSU), Medan, Indonesia.

Kata Kunci: Yusuf al-Qaradawi, Anwar Ibrahim, pemikiran moderasi, analisis tematik

Abstract

Yūsuf al-Qarḍāwī and Anwar Ibrahim are acquaintances despite living far apart. Both are involved in Islamic revivalism aimed at the progress of the Islamic community; however, Anwar Ibrahim is more politically oriented, while Yūsuf al-Qarḍāwī leans towards academics, mainly through the discipline of Islamic Studies, especially Islamic jurisprudence (Ar. al-Fiqh al-Islāmī). Their moderate approach is evident throughout their journeys in their respective fields. Therefore, this study aims to examine the similarities between Yūsuf al-Qarḍāwī's concept of Islamic moderation and Anwar Ibrahim's political ideas as reflected in the Malaysia Madani blueprint. The library research results through thematic analysis indicate substantial common ground between them. This is not surprising, as Anwar Ibrahim himself has acknowledged being significantly inspired by Yūsuf al-Qarḍāwī's legacy of Islamic thoughts.

Keywords: Yūsuf al- Qarḍāwī's, Anwar Ibrahim, moderate thinking, thematic analysis

Pengenalan

Hubungan pemikiran Anwar Ibrahim dengan pemikiran Yusuf al-Qaradawi sememangnya wujud daripada segenap aspek merangkumi bidang sosial dan ekonomi. Hal ini dapat dilihat melalui perakuan Anwar Ibrahim sendiri yang menjadikan Yusuf al-Qaradawi sebagai rujukan beliau semenjak zaman mudanya lagi.

Sebelum ini, telah ada kajian yang membandingkan pemikiran Anwar Ibrahim dengan Rashid Ghannouchi (Maszlee & Syaza, 2018). Sedangkan umum melihat bahawa Anwar Ibrahim sering berhubung dengan Yusuf al-Qaradawi. Malah, daripada sudut konsep kesederhanaan, Anwar Ibrahim menyatakan bahawa aspek kesederhanaan dalam fikrah Yusuf al-Qaradawi memberikan kesan kepada kehidupan beliau (Sinar Harian, diakses pada 1 Ogos 2023).

Makalah ini berhasrat untuk mengkaji hubung kait konsep Malaysia Madani yang menjadi dasar dan polisi kerajaan perpaduan dewasa ini sama

ada ia mempunyai kaitan dengan pengaruh pemikiran tokoh yang banyak menulis tentang kesederhanaan Islam iaitu Syeikh Yusuf al-Qaradawi.

Metode Penulisan

Metode penulisan ini adalah berdasarkan kajian kepustakaan dengan meneliti bahan dan sumber rujukan yang berkaitan dengan subjek yang menjadi penelitian khususnya yang berkaitan dengan Konsep Moderasi dalam Islam yang ditulis oleh Yusuf al-Qaradawi dan Anwar Ibrahim.

Buku, jurnal, tesis yang berkaitan dirujuk. Begitu juga sumber bahan dari internet yang berautoriti turut digunakan. Setelah itu, bahan-bahan rujukan tersebut dibaca dan diteliti, lalu pembentukan tema-tema telah dibuat. Seterusnya analisis dilakukan dalam aspek mengkaji hubungan pemikiran Anwar Ibrahim dengan pemikiran Yusuf al-Qaradawi khususnya dalam usaha Perdana Menteri Malaysia merangka dasar yang dinamakan sebagai Malaysia Madani. Kaedah induktif, deduktif serta komparatif digunakan dalam metode analisis ini.

Dari segi skop kajian, makalah ini hanya memberi tumpuan kepada sudut sosio-ekonomi dalam pembangunan negara bangsa.

Hasil dan Pembahasan

Hasil dan pembahasan makalah ini terlebih dahulu menyoroti biodata kedua-dua tokoh bagi memperlihatkan kepakaran dan ketokohan mereka dalam bidang keilmuan dan politik. Kemudiannya, konsep Malaysia Madani dikemukakan bagi mendapatkan gambaran sebenar mengenainya. Seterusnya, analisis tematik dilakukan bagi melihat hubung kait pemikiran moderasi antara kedua-dua tokoh yang dikaji.

Biodata Yusuf al-Qaradawi

Nama sebenar beliau adalah Yusuf bin Abdullah bin Ali bin Yusuf. Dilahirkan pada tahun 1926 di sebuah perkampungan Desa Shafat al-Turab, Mahallah al-Kubra, Gharbiah, di Mesir. Sebutan namanya yang tepat adalah al-Qaradawi seperti yang dinyatakan dalam bukunya, Ibn al-Qaryah wa al-Kuttab, tetapi ahli Syam menyebutnya dengan al-Qardawi. Ia dinisbahkan kepada perkampungan al-Qardhah.

Bapanya meninggal dunia ketika beliau masih lagi kanak-kanak dan berusia sekitar 2 tahun. Beliau dipelihara oleh ibu, bapa saudara dan datuknya. Ketika berada di peringkat thanawi (pendidikan menengah), ibunya meninggal dunia. Sejak kecil, beliau sentiasa mendapat tempat pertama, kecuali pada peperiksaan akhir di peringkat thanawi, beliau mendapat tempat kedua di seluruh Mesir dengan perbezaan setengah markah sahaja dengan individu yang mendapat tempat pertama.

Seterusnya, beliau melanjutkan pelajar ke Universiti al-Azhar dalam kuliah Usuluddin. Beliau memilih Universiti al-Azhar sebagai tempat untuk menyambung pengajiannya walaupun beliau juga ditawarkan ke Dar al-Ulum, Kaherah.

Beliau menyelesaikan pengajiannya di peringkat Doktor Falsafah (PhD) pada tahun 1973. Untuk meraih gelaran Doktor Falsafah (PhD) di Universiti al-Azhar, Kaherah, beliau menulis disertasi dengan judul (yang terjemahannya) “Zakat dan Pengaruhnya Dalam Mengatasi Masalah Sosial.” Disertasi ini telah dibukukan dan diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa. Sebelum itu, pada tahun 1957, Dr. Yusuf al-Qaradawi juga sempat memasuki Institut Pembahasan dan Pengkajian Arab Tinggi dengan meraih Diploma Tinggi Bahasa dan Sastra Arab. (Al-Bakri, *Bayan Linnas Siri 6*)

Atas jasa bakti beliau dalam dunia Islam, Kerajaan Malaysia telah menganugerahkan beliau sebagai Tokoh Maal Hijrah Antarabangsa pada tahun 2009. Beliau telah menulis lebih daripada 120 buah kitab. Beliau meninggal dunia pada 26 September 2022 pada usia 96 tahun.

Biodata Anwar Ibrahim

Anwar bin Ibrahim lahir pada 10 Ogos 1947 di Ceruk Tok Kun, Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Bukit Mertajam Boys School di Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Kemudiannya, beliau menyambung pelajaran peringkat menengah di Malay College Kuala Kangsar (MCKK), dan menyambung ijazah Pengajian Melayu (Sastra) di Universiti Malaya (UM). Pernah dilantik sebagai Profesor Kunjungan School of Advanced International Studies (SAIS) dan di Georgetown University. Beliau pernah menerima Ijazah Doktor Kehormat daripada Universiti Ateneo de Manila.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim mendirikan rumah tangga bersama pasangannya iaitu Datin Seri Dr Wan Azizah binti Datuk Ismail, dan hasil perkahwinan mereka dikurniakan enam cahaya mata.

Dari sudut keterlibatan aktiviti politik, beliau pernah menjadi Timbalan Presiden UMNO. Kemudiannya beliau menjadi Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), dan terkini ialah Pengerusi Pakatan Harapan (PH). Jawatan yang pernah disandang ketika berada dalam pentadbiran negara ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Menteri Belia dan Sukan, Menteri Pertanian, Menteri Pendidikan, Menteri Kewangan, Timbalan Perdana Menteri, dan terkini ialah Perdana Menteri Malaysia ke-10.

Kaitan antara Anwar Ibrahim dan Yusuf al-Qaradawi

Sudah dimaklumi mengenai keakraban antara Anwar Ibrahim dan Yusuf al-Qaradawi. Ketika Anwar Ibrahim menjawat jawatan sebagai Ketua Umum Parti Keadilan Rakyat (PKR), beliau telah dituduh melakukan perbuatan liwat. Yusuf al-Qaradawi telah membela Anwar Ibrahim yang dituduh liwat dalam sebuah cakera padat yang bertajuk, *Fatwa Mutakhir Dr Yusuf al-Qaradawi berhubung konspirasi II terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim*, yang diterbitkan oleh *Women's Institute of Research Development dan Advancement* (WIRDA) dan diedarkan secara percuma. Sidang video yang dirakamkan pada 14 Februari 2010 yang berdurasi selama 33 minit itu di kediaman Dr Yusuf di Doha, Qatar termasuk terjemahan percakapan beliau yang dilakukan oleh ahli jawatankuasa Parti Angkatan Se-Islam (PAS) Pusat, Abdul Ghani Shamsuddin. (Abdul Rahim Sabri, 2010, 8 Mac).

Selain itu, Yusuf al-Qaradawi juga pernah melawat Anwar Ibrahim yang kebetulan mereka berdua berada di Turki. Ketika itu, Anwar Ibrahim sedang menjalani rawatan tulang belakang dan bahunya di Turki. Menurut Anwar, al-Qaradawi juga pernah mengutus surat kepadanya ketika beliau menjalani rawatan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM). Anwar mengatakan:

“Ketika di PPUM bulan lalu, beliau ada mengutus surat kepada saya. Beliau menitip pesan antara lain agar risalah Islam terus dipertahan ke arah kedamaian dan keadilan di samping menolak sikap melampau. Al-Qaradawi turut menambah betapa dakwah perlu di semarak untuk

mendalami kefahaman Islam dan menolak fanatisme kelompok (assabiyah) yang angkuh lagi jumud. Dukungan berterusan ini pastinya amat bermakna buat saya. Semoga Syeikh Yusuf al-Qaradawi terus diberi kesihatan yang baik dan sentiasa dalam lindungan-Nya.” (*M Star*, 2018, 24 Julai)

Al-Qaradawi pernah menulis surat pada tahun 2013, menyatakan sokongan terhadap perjuangan Anwar Ibrahim dan rakan-rakan untuk memenangi Pilihan Raya Umum ke-13 dan mengambil alih Kerajaan Malaysia. Namun sedih sekali apabila Dr. Yusuf al-Qaradawi tidak berkesempatan melihat rakannya itu menjadi Perdana Menteri. Beliau meninggal dunia pada 26 September 2022, iaitu 59 hari sebelum Anwar Ibrahim dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia ke-10 pada 24 November 2022. Semasa Anwar Ibrahim menjawat jawatan Perdana Menteri, beliau telah menghadiri Siri Syarahan Kehormat Madani mengenai Yusuf al-Qaradawi di Seri Perdana. Anwar Ibrahim dalam ucapannya, beliau amat terharu dengan kehadiran anak-anak arwah Dr. Yusuf al-Qaradawi iaitu Dr. Muhammad dan Abd al-Rahman yang sudi berkongsi mengenai biografi dan perjuangan bapa mereka. (*Harian Metro*, 2023, 10 Julai).

Antara tindakan Anwar Ibrahim yang disokong Yusuf al-Qaradawi adalah berkenaan menjalin hubungan dengan negara Amerika Syarikat serta benua Eropah. Pada Majlis Perasmian Peluncuran Buku “Autobiografi Syeikh Yusuf al-Qaradawi: Sang Pelita Umat”, Anwar Ibrahim menceritakan:.

“Saya sewaktu di Qatar kebetulan ada Setiausaha AS (ketika itu) dan Hillary Clinton. Selepas itu saya makan tengah hari dengan Syeikh Yusuf. Berbeza dengan orang yang mengatakan Anwar ini baik dengan Amerika, dia tidak. Pendekatan dia lain. Dia kata dengan saya, *you* bincang pasal apa (dengan Clinton)? Saya bincang pasal 1,2,3,4 (merujuk kepada penjelasan perbincangan ketika itu). Okay, Clinton begini begini begini. Dia kata teruskan Anwar. Kita perlu dalam kalangan pemimpin umat Islam, orang yang boleh menyampaikan pandangan kita (dunia Islam) yang menunjukkan kekuatan, keupayaan dan akhlak yang baik dalam kalangan mereka.”

Dia (al-Qaradawi) kata lagi, “Anwar, tak ramai orang begitu di dunia Islam. Kita harus jadikan ini tugas kita memanfaatkan kekuatan kita, tegas

dalam soal Islam, jaga akhlak Islam, serta bawa satu contoh yang baik. Tetapi pertahankan keperluan kekalkan jaringan dengan semua pihak termasuk AS dan Eropah,” ujar Anwar. (Hasimi Muhamad, 2023, 11 Julai).

Anwar Ibrahim semasa peluncuran buku itu juga memberitahu bahawa karya ilmiah Yusuf al-Qaradawi memberikan kesan terhadap dirinya. Anwar berkata:

“Kekuatan beliau ialah beliau menimba ilmu daripada khazanah lampau yang banyak tapi mengolah daripada zaman semasa, cara beliau kupas itu cukup menarik, beliau bawa kupasan itu selalunya luas daripada ruang lingkup terbatas.”

“Kupasan beliau ini bukan sahaja ketuk pintu hati kita tapi dapat menarik minat anak-anak muda untuk mempunyai semangat dan kekuatan membawa perubahan.”

Daripada aspek peribadi, Anwar turut mengenang kembali ketika beliau berada pada saat getir, Yusuf al-Qaradawi sentiasa memberikan nasihat dan mengambil berat kepada beliau:

“Beliau tokoh gergasi dalam dunia ilmu tapi beliau anggap kita macam sahabat, ada hal kita tanya beliau, ada hal beliau tanya kita. Kasihnya daripada dulu, beliau mengambil berat, mengambil tahu, apatah lagi hidup saya, Azizah (Datuk Seri Dr Wan Azizah) dan anak-anak, beliau itu seolah-olah tonggak yang sentiasa ada.” (*Sinar Harian*, 2023, 11 Julai).

Pernyataan-pernyataan di atas jelas menunjukkan keakraban hubungan dan jalinan persahabatan antara kedua-dua tokoh ini.

Konsep Moderasi Menurut Yusuf al-Qaradawi

Pemikiran sederhana ini pada hakikatnya adalah isi pati ajaran Islam itu sendiri. Pemikiran sebegini menjadi prinsip asasi dan pembawaan yang menguntungkan umat Islam. Oleh sebab itu, tidak menghairankan pertubuhan besar seperti Nahdatul Ulama di Indonesia sendiri yang meletakkan pemikiran sederhana sebagai pendekatan utama dari lima pendekatan mereka yang disebut sebagai *Khasais Fikrah Nahdiyyah*, iaitu:

1. *Fikrah Tawassutiyyah*: pemikiran sederhana, *moderate thinking*.
2. *Tawazun wa I 'tidal*: bersikap seimbang dan pertengahan.
3. *Fikrah Tasamuiyyah*: berfikir secara tolak ansur dan dapat hidup bersama dengan kelompok agama lain atau budaya lain dari mereka
4. *Fikrah Tatawwuriyyah*: berfikir secara dinamik dengan menerima tafsiran secara kontekstual dalam menjawab berbagai persoalan agama dan duniawi.
5. *Fikrah Manhajiyyah*: berfikir secara manhaji (Fikir secara teratur) iaitu senantiasa konsisten berfikir mengikut apa yang telah digariskan dalam Nahdatul Ulama secara metodologi. (Muhammad Ayman al-'Akiti dkk, 2020, h. 90)

Begitulah juga, Yusuf al-Qaradawi yang dilihat antara tokoh yang sering memperjuangkan manhaj moderasi dalam kehidupan beliau. Beliau menganggap usahanya dalam menjunjung konsep moderasi ini sebagai satu hidayah dari Allah jua. Katanya: “Antara nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada saya ialah saya diberikan hidayah untuk mendukung ideologi kesederhanaan. Manhaj kesederhanaan ini telah wujud sekian lama dan juga merupakan manhaj yang bersesuaian dengan fitrah dan akal saya. Ia juga seiring dengan pemahaman saya tentang Islam daripada sumber Islam yang suci murni, seperti mana bersesuaian dengan kehendak semasa, keperluan dan hubungan umat Islam dengan umat lain.” Beliau juga telah bernazar dan berjanji untuk memperjuangkan manhaj moderasi ini selagi hayatnya dikandung badan. (Yusuf al-Qaradawi, 2010)

Penulis tertarik dengan gagasan idea Yusuf al-Qaradawi dengan beberapa dasar dan prinsip kesederhanaan dalam Islam. Berikut adalah antara lima perkara pemikiran moderasi beliau yang menjadi perhatian penulis melalui karyanya *al-Wasatiyyah al-Islamiyyah* (2010).

A. Mengadunkan antara dua benda yang berlawanan

Yusuf al-Qaradawi berpandangan bahawa dakwah sangat mementingkan supaya diadunkan antara kerohanian dan kebendaan, ketuhanan dan kemanusiaan, antara akal dan hati, dunia dan akhirat, antara hak Tuhan dengan hak sendiri serta hak-hak orang lain, antara mencipta produk dan pembangunan ekonomi, antara ketinggian rohani dan akhlak, dengan cara masing-masing mendapat haknya tanpa menzalimi hak orang lain. Dalam hal ini, beliau amat memberi penekanan kepada aspek keseimbangan dalam kehidupan.

B. Nilai-nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan

Seruan kepada asas-asas dan nilai-nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan yang telah diabaikan oleh kebanyakan orang Islam hinggakan sebahagiannya menyangka, ia adalah asas-asas dan nilai-nilai barat. Sedangkan ia pada hakikatnya merupakan nilai-nilai asli Islam seperti adil dalam perundangan, politik dan ekonomi. Syura dalam masyarakat, dalam hukum, dalam kebebasan, kemuliaan, hak-hak insan terutama hak-hak golongan yang lemah dalam masyarakat. Memberikan kebebasan beragama dan berpolitik yang merupakan syarat untuk membangunkan masyarakat. Berlaku adil dan saksama antara anak bangsa, juga syarat untuk mempraktikkan syariat dengan cara sebaik-baiknya, agar ia dapat dipilih oleh manusia dengan kerelaan hati mereka.

Perkara yang perlu dilakukan adalah mendirikan pertubuhan, kelab-kelab dan institusi awam yang berbentuk kebajikan, pendidikan, sosial dan budaya yang bertujuan memberikan khidmat kepada masyarakat, agar ia dapat meningkat dan maju, bebas dari kepompong kemunduran, menunaikan tanggungjawab ke atas dirinya, masyarakat dan juga kepada kemanusiaan secara keseluruhannya.

C. Hak sesuatu bangsa untuk memilih pemimpinnya sendiri

Menghormati hak-hak sesuatu bangsa untuk memilih pemimpinnya daripada kalangan orang yang kuat dan beramanah yang tidak diragui kepimpinan dan agama mereka, dan bukannya memalsukan kehendak bangsa, ataupun melantik pemerintah bukannya dengan kerelaan bangsa itu. Apabila sesuatu bangsa itu telah memilih seseorang pemimpin, maka hendaklah mereka membantu dan memberi nasihat serta taat kepada pemimpin pada perkara yang bukan maksiat. Bahkan bangsa itu wajib mempersoalkan dan memperhitungkan pemimpin, membetulkannya apabila dia menyimpang, memecatnya apabila dia berterusan dalam kesesatannya dengan cara damai. Sesuatu kepimpinan itu hendaklah berlaku adil, melaksanakan syura, menjaga hak-hak, mendirikan ketentuan yang ditentukan Allah sama ada syariat ataupun undang-undang. Mengambil faedah dari sistem demokrasi dari segi mekanisme, jaminan-jaminan dan cara-cara untuk membantu sesuatu bangsa, tidak menerima pakai sepenuhnya prinsip demokrasi seperti kebebasan mutlak individu yang kadangkala meminggirkan nilai-nilai moral dan hukum-hukum

syarak. Oleh yang demikian, kita mengambil positif dari prinsip demokrasi dan mengelakkan keburukannya.

D. Memperkuat ekonomi bangsa dan membinanya berdasarkan fiqh syariat

Memperkuat ekonomi bangsa dan berusaha untuk melengkapkannya agar mampu mencapai konsep sara diri sama ada daripada segi pendapatan dan ketenteraan dan membina ekonomi bangsa berdasarkan fiqh syariat serta maqasidnya. Menggalakkan tumbuhnya bank-bank, institusi kewangan Islam, membebaskannya daripada bentuk konvensional, berusaha untuk memperbaikinya agar ia mampu menjadi agen pembangunan ekonomi Islam, perancangan sistematik dan praktikal untuk mengasaskan ekonomi Islam terbilang yang mampu merealisasikan peningkatan produktiviti, pengguna berhemah, kesamarataan dan adil dalam pengedaran. Sentiasa mengekalkan kesederhanaan ekonomi Islam agar tidak seperti ekonomi kapitalis yang menghimpit individu berbanding masyarakat dan juga tidak seperti ekonomi komunis yang menghimpit masyarakat berbanding individu.

E. Mengelakkan budaya menuduh orang sebagai kafir dan fasik

Sentiasa bersangka baik dengan sesiapa saja yang bersaksi dengan dua kalimah syahadah, menghadap kiblat dan tidak terdetak darinya apa yang menyalahi agama Islam. Hal ini demikian kerana prinsip asal dalam Islam adalah menganggap semua orang Islam adalah bertakwa dan menghindarkan daripada menuduhnya sebagai kafir dan fasik sekiranya terdetak jalan untuk itu. Lebih-lebih lagi fasik dalam mentafsirkan, dan kafir dalam mentafsirkan, kerana kunci untuk menganut agama Islam adalah bersaksi bahawa tiada tuhan yang disembah selain Allah, dan Nabi Muhammad ialah pesuruh Allah. Maka tidak terkeluar dari agama Islam melainkan apabila dia ingkar tentang Islam dan keyakinan tidak akan hilang hanya dengan syak wasangka.

Menuduh orang sebagai kafir adalah suatu kesalahan dalam agama, dan kesalahan dari segi ilmu, tidak boleh bagi seorang Muslim terjerumus ke dalam perkara itu kerana ia akan menerbitkan hukuman ke atas seorang Muslim sama ada penyisihan secara kebendaan atau tatasusila ataupun kedua-duanya oleh masyarakat yang beragama Islam. Oleh itu, perlunya berwaspada daripada terjerumus ke dalam perkara itu melainkan apa yang

pasti tanpa ada sebarang keraguan seperti mengingkari al-Quran ataupun mengingkari perkara yang diketahui sebagai wajib dalam Islam ataupun mencela Allah dan rasul-Nya secara terang-terangan sebagaimana sabda Rasulullah, “Melainkan kamu melihat berlakunya kekufuran yang jelas.” Dengan demikian, mereka mampu mewujudkan tamadun yang seimbang yang memuliakan manusia, menganggapnya sebagai khalifah Allah di muka bumi, bukan hanya semata-mata menjadi haiwan yang berkembang biak.

Demikianlah antara dasar dan prinsip kesederhanaan dan moderasi yang diketengahkan oleh Yusuf al-Qaradawi khusus dalam membangunkan sosio-ekonomi umat Islam di seluruh dunia.

Konsep Malaysia Madani

Menurut Siddiq Fadzil yang merupakan Presiden ABIM selepas Anwar, beliau menyatakan bahawa Anwar Ibrahim bukan calang-calang ahli politik, beliau merupakan pemikir dan ikon kemanusiaan (Anwar Tahir, 2017). Konsep madani ini bukanlah baru bagi Anwar, beliau telah pun mengusulkannya dengan nama “Masyarakat Madani.” Siddiq Fadzil (2017) menyenaraikan gagasan-gagasan idea yang diusulkan oleh Anwar Ibrahim sejak zaman mudanya hingga kini; Wawasan Kebangkitan Islam, Nahdah Kebangkitan Asia, Ekonomi Manusiawi, Pendidikan Insaniyah dan Masyarakat Madani.

Menurut Anwar Tahir (2017) dan Mustafa Kamil (2004), pemikiran Anwar yang paling utama ialah Masyarakat Madani, yang merupakan kemasyarakatan versi Islamik. Idea Masyarakat Madani ini telah diperkenalkan sejak beliau memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri. Idea ini pada asalnya tidak popular di Malaysia, tetapi mula dibahaskan dan menjadi popular di Indonesia selepas ucapannya di Festival Istiqlal pada tahun 1991 di Jakarta. (Maszlee & Syaza, 2018)

Malaysia Madani dilancarkan oleh PMX, Dato’ Seri Anwar Ibrahim pada 19 Januari 2023 sebagai usaha mengemudi serta mengangkat semula martabat dan kegemilangan negara di persada dunia. Perkataan Madani itu diacu berteraskan enam rukun iaitu keMampanan, kesejAhteraan, Daya cipta, hormAt, keyakiNan dan Ih-san.

Rajah 1.1 : Enam Teras Malaysia Madani



Sumber: <https://malaysiamadani.gov.my/pengenalan/>

Konsep Ekonomi Madani

Ekonomi Madani pula telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia pada 27 Julai 2023. Kerangka ekonomi itu menggariskan dua bidang fokus utama, iaitu untuk menstruktur semula ekonomi ke arah Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia dan meningkatkan kualiti hidup semua rakyat Malaysia.

"Buat masa ini, kesan ke atas kedudukan fiskal kerajaan tidak boleh diukur sepenuhnya sehingga semua inisiatif didedahkan," katanya.

Bagaimanapun, firma penyelidikan itu berkata penambahbaikan dalam ruang fiskal tahun ini didorong oleh pertumbuhan ekonomi yang mampan akan membolehkan kerajaan membiayai inisiatif yang telah diumumkan dalam Naratif Ekonomi MADANI seperti elaun untuk kakitangan awam dan kredit e-Tunai.

"Kami berpendapat dokumen itu menetapkan matlamat dan sasaran yang jelas untuk negara dan jika dilakukan dengan betul, potensi pertumbuhan Malaysia boleh lebih tinggi daripada purata pertumbuhan 4.7 peratus sejak 1998," katanya.

MIDF Research menjangkakan pengumuman pelan-pelan pembangunan lain, termasuk semakan pertengahan penggal RMK-12, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, dan Belanjawan 2024, akan mengasimilasikan aspirasi dan sasaran yang sama seperti yang digariskan dalam pelan hala tuju Ekonomi MADANI.

Ia juga berpandangan dokumen Ekonomi MADANI sebagai pelan hala tuju pembangunan ekonomi masa depan negara bagi kerajaan Persekutuan meningkatkan daya saing Malaysia menjadi juara serantau, merencanakan semula penyampaian perkhidmatan awam dan akhirnya menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang akan memberi manfaat kepada rakyat.

"Bukan sahaja kerajaan dan sektor awam, malah setiap unit dalam ekonomi juga akan memainkan peranan bagi memacu pertumbuhan negara ke peringkat seterusnya," tambahnya.

Secara terperinci, konsep Ekonomi Madani dapat digambarkan sebagaimana dalam Rajah 1.2 yang mementingkan penstrukturan semula ekonomi negara bagi meningkatkan darjat hidup rakyat yang lebih berkualiti.

Rajah 1.2 : Ekonomi Madani : Memperkasakan Rakyat



Sumber: <https://www.pmo.gov.my/membangun-malaysia-madani/ekonomi-madani-memperkasa-rakyat/>

Hubungan Pemikiran Yusuf al-Qaradawi dan Anwar Ibrahim Dari sudut sosio-ekonomi

Pemikiran Anwar Ibrahim dan harapannya pada negara bangsa khususnya Malaysia adalah untuk melihat negara Malaysia membangun dengan seimbang antara pembangunan fizikal dan pembangunan kerohanian. Dalam satu ucapan beliau sekitar tahun 1982 beliau menyatakan bahawa pembangunan fizikal Malaysia telah membangun dengan pesatnya, namun pembangunan sebegini perlu dipacu bersama-sama dengan keseimbangan kerohanian. Beliau berkata: “Gaya dan tenaga serta kemajuan jasmani telah dapat dilihat dengan mata kasar. Masalahnya kita terlalu percaya kepada pandangan mata kasar. Akhirnya kita juga akan menjadi buta. Kita buta kepada kenyataan bahawa pembangunan kerohanian dan semangat telah diabaikan. Ini kerana hati nurani dan jiwa kita dapat dilihat dengan mata kasar.” Pandangan Anwar Ibrahim ini dilihat selari dengan dasar dan prinsip mengadunkan antara dua benda dan perkara yang berlawanan sebagaimana pandangan Yusuf al-Qaradawi. Dalam hal ini jelas persamaan hasrat supaya manusia buka sekadar membangun dari sudut kebendaan tetapi turut membangun dari sudut kerohanian.

“Sebahagian dari masyarakat kita telah dipengaruhi oleh rasuah, maksiat, tamak, terumbang-ambing tanpa tujuan dan sikap terlampau mengejar kemewahan. Di dalam proses ini, nilai-nilai kemanusiaan telah terhapus. Umpamanya sikap menghormati yang lebih tua sudah kurang diamalkan, pertalian antara keluarga telah menjadi longgar dan sikap tidak mengendahkan hal ehwal kejiwaan semakin berleluasa. Semuanya ini merupakan faktor yang utama menyebabkan bertambahnya penyalahgunaan dadah di kalangan belia-belia yang telah hilang pegangan di dalam kehidupan mereka.” Petikan ini adalah dari tulisan dan ucapan Anwar Ibrahim. Sesungguhnya ia amat selari dengan pemikiran Yusuf al-Qaradawi yang amat mementingkan hubungan kemanusiaan dijaga dan dipertahankan menurut acuan ajaran Islam.

Dalam hal ini, Anwar Ibrahim turut mencadangkan jalan penyelesaian kepada keruntuhan dan kebejatan sosial ini dengan kembali mengukuhkan pertahanan diri dari sudut kerohanian. Kata beliau: “Kita mesti bertindak

tegas untuk memerhatikan kesan-kesan dan punca keruntuhan sosial. Kita mesti membina di kalangan orang-orang kita kekuatan rohani. Inilah sahaja satu jalan sebagai pertahanan. Inilah jalan yang paling baik sebagai benteng kepada penyakit sosial ini. Kita masih terikat untuk menyokong ke arah identiti masyarakat Malaysia dan sebuah negara Malaysia yang bersatu padu. Ini kita percaya akan tercapai melalui toleransi dan kesederhanaan.”

Anwar Ibrahim juga menegaskan bahawa usaha mengembalikan umat Islam kepada ajarannya bukanlah hendak menjadikan mereka fanatik dan ekstrim, tetapi lebih kepada usaha membawa kesederhanaan. Pandangan ini juga amat selari dengan pemikiran Yusuf al-Qaradawi yang melarang masyarakat Islam bersikap ekstrim dengan membawa budaya takfiri dan menuduh seseorang itu fasik.

Menurut Anwar Ibrahim (2014), demokrasi yang berunsurkan Islam ialah mereka yang akan membuatkan nilai seseorang itu mengatasi daripada nilai politik dan sosial, sebuah nilai yang memartabatkan maruah diri sebagai insan. Tema utama terhadap pemahaman demokrasi Anwar ialah demokrasi yang selari dengan Islam, dan masyarakat Islam perlu menyematkannya dalam doktrin politik mereka. (Maszlee & Syaza, 2018)

Menurut temu bual Mohd Azizi Jaeh (2017) bersama Syed Ibrahim Syed Noh, beliau menyatakan mengenai parti PKR pimpinan Anwar Ibrahim yang menggabungkan pelbagai ideologi: PKR tidak hanya berorientasikan kepada satu-satu ideologi [kiri atau kanan], dalam PKR ada pelbagai latar antaranya demokrat, liberal, sosialis, Islamis, malah dari pelbagai NGO-NGO, kombinasi ini penting dalam penyesuaian politik baharu.

Menurut temu bual Mohd Azizi Jaeh (2017) bersama Chandra Muzaffar, beliau menyatakan mengenai parti PKR pimpinan Anwar Ibrahim yang mengutamakan kebajikan rakyat: PKR menampilkan mirip sosial demokrasi dari segi idea agihan kekayaan yang saksama, merapatkan jurang kaya miskin, penekanan kepada kesejahteraan kebajikan rakyat soal pendidikan, kesihatan, perumahan, akses kepada peluang untuk semua. Kesemua dasar parti politik Anwar Ibrahim ini telah turut mendokong gagasan pemikiran Yusuf al-Qaradawi dalam aspek toleransi dan moderasi sesama berlainan kaum dan bangsa.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, didapati bahawa pemikiran Anwar Ibrahim dalam membangunkan masyarakat dan negaranya amat selari dengan pemikiran kesederhanaan yang diketengahkan oleh tokoh besar ilmuwan Islam iaitu Yusuf al-Qaradawi. Hal ini tidaklah menghairankan, kerana keakraban hubungan antara kedua-duanya dan akuan Anwar Ibrahim sendiri mengenai pengaruh pemikiran Yusuf al-Qaradawi dalam mencorakkan pemikiran beliau dalam memajukan anak bangsa Malaysia berkonsepkan Malaysia Madani.

Rujukan

- Abdul Rahim Sabri. (2010, 8 Mac). *Malaysia Kini*. Liwat II: VCD fatwa Yusuf al-Qaradhawi diedar. <https://www.malaysiakini.com/news/125960>.
- Al-Bakri, Zulfikli Mohamad. (Tanpa Tahun). Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradhawi: Siapakah Beliau?. *Bayan Linnas Siri* 6. <https://muftiwp.gov.my/images/pdf/artikel/bayan-linnas/6Syeikh%20Dr.%20Yusuf%20alQaradhawi%20%3B%20Siapakah%20Beliau.%20Yusuf%20al-Qaradhawi.pdf>
- Anuar Tahir. (2017). “Anwar Ibrahim: Pendidikan Demokrasi dan Masyarakat Madani”, Dalam Dinsman, Rozan Mat Resip & Kamarulbahrin Zahid, *Dua Dekad Dia Dizalimi*, Shah Alam: Institut Darul Ehsan (IDE). 19-21.
- Anwar Ibrahim. (2014). “Opening Speech at the inaugural World Forum for Muslim Democrats Conference, jointly organized by Japan’s Sasakawa Peace Foundation, Indonesia’s Habibie Center, Turkey’s Foundation for Political, Economic and Social Research, and Malaysia’s Institut Kajian Dasar, 4 November 2014, Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
- Harian Metro. (2023, 10 Julai). Anwar terharu dengan kehadiran anak Almarhum Syeikh Dr Yusuf Al-Qaradawi. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/986367/anwar->

terharu-dengan-kehadiran-anak-almarhum-syeikh-dr-yusuf-al-qaradawi.

Hasimi Muhamad. (2023, 11 Julai). Syeikh Yusuf Al-Qaradawi pesan martabat Islam, terus jalin hubungan dengan AS – Anwar. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/syeikh-yusuf-alqaradawi-pesan-martabat-islam-terus-jalin-hubungan-dengan-anwar-427642>.

J. Victor Morais. 1983, *Anwar Ibrahim Resolute in Leadership*, Kuala Lumpur: Arena Buku Sdn. Bhd.

M Star. (2018, 24 Julai). Sheikh Qaradawi lawat Anwar. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2018/07/24/qaradawi-lawat-anwar> diakses pada 11 Ogos 2023.

Maszlee Malik & Syaza Farhana Mohamad Shukri. (2018). From Political Islam to Democrat Muslim: A Comparison between Rashid Ghannouchi and Anwar Ibrahim. *Intellectual Discourse*, 26(1), 161-188.

Mohd Azizi Jaeh. (2017). Pengaruh Sosialisme Demokratik dalam Parti Keadilan Rakyat (PKR): Reformasi dan Cabaran kepada Ideologi Alternatif di Malaysia. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 44(2).

Muhammad Ayman al-‘Akiti, Ahamad Faiz Hafizuddin Rosli & Muhammad Amir Ashraf Rosdin. (2020). *Shaykh Abdullah Fahim Ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah dan Perjuangan Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia.

Mustaffa Kamil Ayub (2004). *Masyarakat Madani & Idealisme Politik*. Petaling Jaya, Selangor: Institut Masyarakat Madani.

Siddiq Fadzil (2017). “Pendidikan Keinsanan: Menyorot Wawasan Kependidikan Anwar Ibrahim & Anwar Ibrahim: Pejuang dan Pemikir yang Dipenjarakan”, Dalam Dinsman, Rozan Mat Resip & Kamarulbahrin Zahid, *Dua Dekad Dia Dizalimi*, Shah Alam: Institut Darul Ehsan (IDE). 32-39.

- Sinar Harian. (2023, 11 Julai). 'Karya ilmiah Yusuf Al-Qaradawi beri kesan kepada saya' – Anwar. <https://www.sinarharian.com.my/article/267697/berita/nasional/karya-ilmiah-yusuf-al-qaradawi-beri-kesan-kepada-saya---anwar> diakses pada 11 Ogos 2023.
- Yusuf al-Qaradawi. (2010). *Al-Wasatiyyah al-Islamiyyah*, (Terjemahan oleh Mohd Lukman bin Said dan Hasan Basri bin Awang Mat Dahan), Kesederhanaan dalam Islam satu penerangan ringas dan penanda aras, Pulau Pinang: Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Institut Kajian Dasar.